

U B874 BAH
MAHATHIR - UMNO

1985

ALOR SETAR, 9 JUN (BERNAMA) -- PRESIDEN UMNO, DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMED MENYERU PEMIMPIN-PEMIMPIN PARTI DI PERINGKAT BAHAGIAN SUPAYA MENGADAKAN KURSUS POLITIK KEPADA PARA ANGGOTA PARTI.

KATANYA KEGIATAN PARTI DALAM MEMBERI KESEDARAN POLITIK TERMASUK MEMAHAMI PERLEMBAGAAN UMNO AMAT PENTING KEPADA SEMUA ANGGOTA, KHUSUSNYA ANGGOTA-ANGGOTA BARU.

KETIKA BERUCAP KEPADA ANGGOTA-ANGGOTA JAWATANKUASA UMNO BAHAGIAN KUBANG PASU, DALAM MESYUARAT PERTAMA JAWATANKUASA BAHAGIAN ITU DI KEDIAMANNYA DI TITI GAJAH DEKAT SINI, BELIAU SELAKU KETUA BAHAGIAN ITU, BERKATA BELIAU SENDIRI SANGGUP PULANG LEBIH KERAP KE KEDAH UNTUK MEMBERI PENJELASAN MENGENAI POLITIK KEPADA ANGGOTA-ANGGOTA PARTI.

BELIAU MEMINTA KETUA PENERANGAN DALAM SETIAP BAHAGIAN SUPAYA MENGATUR KURSUS PENERANGAN DAN PEMAHAMAN PERLEMBAGAAN PARTI DAN ISU POLITIK SEMASA DENGAN LEBIH TERSUSUN.

KATANYA, MELALUI KURSUS DAN PENERANGAN YANG JELAS ITU AKAN MENGUKUHKAN SOKONGAN DAN PEGANGAN ANGGOTA KEPADA PERJUANGAN UMNO DEMI KEBAJIKAN RAKYAT.

-- LAGI.

1410MST 09 06 85

U B876 BAH
MAHATHIR - UMNO 2 ALOR SETAR

DATUK SERI DR. MAHATHIR MENGULANGI NASIHATNYA SUPAYA SEMUA PEMIMPIN UMNO MENYELESAIKAN PERSELISIHAN ATAU MASALAH PARTI SECARA RUNDINGAN DAN JANGAN MEMBAWA ISU PERBALAHAN ITU KE MAHKAMAH.

MESYUARAT ITU, YANG DIHADIRI OLEH SEMUA 17 ORANG ANGGOTA JAWATANKUASA TERMASUK MENTERI BESAR, DATUK PADUKA HAJI OSMAN AROFF, YANG JUGA TIMBALAN KETUA BAHAGIAN SEBULAT SUARA MELULUSKAN PERLANTIKAN PEGAWAI-PEGAWAI PARTI YANG BARU.

MEREKA IALAH HAJI ABU BAKAR HUSSEIN SEBAGAI SETIAUSAHA BAHAGIAN, ANGGOTA EXCO NEGERI MERANGKAP NAIB KETUA BAHAGIAN, HAJI HANAFI RAMLI SEBAGAI BENDAHARI DAN PENOLONG PEGAWAI HAIWAN DAERAH, ENCIK NAZRIL MOHAMED ZAIN SEBAGAI KETUA PENERANGAN.

MESYUARAT ITU JUGA MELULUSKAN PERLANTIKAN LIMA ORANG ANGGOTA JAWATANKUASA TAMBAHAN YANG DIPERUNTUKKAN DALAM PERLEMBAGAAN UMNO ATAS KUASA KETUA DENGAN PERSETUJUAN JAWATANKUASA, MENJADIKAN BILANGAN JAWATANKUASA BAHAGIAN KEPADA 22 ORANG.

MEREKA IALAH HAJI BAHAROM AWANG (CAWANGAN CHANGLON), HAJI MUSTAFFA AHMAD (CAWANGAN KODIANG), KU SAAD KU IBRAHIM (CAWANGAN SALIT), ENCIK ABU HASSAN JUSOH (CAWANGAN TOK JELAI) DAN PUAN HASHINAM BINTI MAT ISA (KEPALA BATAS). -- BERNAMA.

1417MST 09 06 85